

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Sarawak sebagai landasan untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah pertanian moden atau “*Smart Farming*”.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) merupakan satu komitmen Kementerian untuk terus memacu sektor pertanian sebagai sumber pendapatan rakyat selain memperkasakan jaminan bekalan makanan negara.
  
2. Bagi negeri Sarawak, sebanyak lima (5) TKPM telah dibangunkan oleh Kementerian dalam tempoh RMKe-11 dengan keluasan 150 hektar iaitu:
  - i. TKPM Semenggok, Kuching seluas 54 hektar;
  - ii. TKPM Pejiru, Kuching seluas 20 hektar;
  - iii. TKPM Rampangi, Kuching seluas 8 hektar;

- iv. TKPM Penipah, Mukah seluas 40 hektar; dan
- v. TKPM Kabuloh, Miri seluas 28 hektar.

Hasil pengeluaran TKPM di Negeri Sarawak dari tahun 2014 sehingga 2020 adalah sebanyak RM25.75 juta.

3. Kementerian telah merancang untuk terus membangunkan TKPM di Sarawak dalam RMKe-12 dan antara kawasan yang telah dicadangkan untuk dibangunkan adalah seperti:

- i. TKPM Kubong di Limbang;
- ii. TKPM Layar di Betong;
- iii. TKPM Julau di Sarikei; dan
- iv. TKPM Bintulu.

4. Kementerian komited untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan penumpuan kepada penyediaan infrastruktur asas, pengamalan teknologi moden dalam pertanian seperti fertigasi, sistem pasca tuai dan jaringan logistik supaya ia mampu menyediakan sektor pertanian kearah pertanian pintar dan meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

5. Kementerian yakin dengan penyediaan kawasan pertanian yang lengkap dengan infrastruktur asas seperti TKPM, kebolehcapaian kepada sistem pertanian berteknologi tinggi dan pertanian pintar dalam kalangan pengusaha dapat ditingkatkan dan hasrat Kerajaan untuk merealisasikan pertanian pintar dengan penggunaan teknologi tinggi secara komersil seperti sistem sensor dan *Internet of Things* (IoT) dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.